

# 'Muhyiddin angkuh desak Ahmad Zahid letak jawatan'

Ahli MKT bidas Pengerusi PN tidak berundur ketika kalah teruk pada PRN di Melaka, Johor

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yasin, disifatkan sebagai angkuh apabila mendesak Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi meletak jawatan susulan prestasi kurang memberangsangkan pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabtu lalu.

Ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO, Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi, membandingkan sikap Muhyiddin sendiri yang tidak berani untuk meletakkan ja-

watan ketika PN kalah teruk pada PRN di Melaka dan Johor sebelum ini.

"Muhyiddin angkuh bila suruh Ahmad Zahid letak jawatan. Bila PN kalah teruk di Melaka dan Johor, dia tidak letak jawatan. Dia kekal Presiden BERSATU sedangkan dia kluster mahkamah.

"Jangan menuding jari. Ia beban bersama. Mendesak Ahmad Zahid letak jawatan bukan penyelesaian. Semua bertanggungjawab," katanya dalam kenyataan di Facebook semalam.

Pandangan Mohd Puad itu selari dengan pandangan Naib Pre-

siden UMNO, Datuk Seri Johari Abdul Ghani kelmarin yang menegaskan semua pemimpin UMNO perlu bertanggungjawab atas kekalahan teruk BN dalam PRN15 di enam negeri itu.

Ahli Parlimen Titiwangsa itu berkata, kekalahan itu tidak seharusnya ditujukan pada seseorang saja, sebaliknya setiap pemimpin dalam parti baik di peringkat 'Top 5' atau lima teratas, Ahli MKT, ketua bahagian dan ketua sayap Pemuda, Puteri dan Wanita perlu bertanggungjawab.

"Jangan menuding jari. Ia beban bersama. Mendesak Ahmad Zahid letak jawatan bukan penyelesaian. Semua bertanggungjawab"

*Mohd Puad Zarkashi,  
Ahli MKT UMNO*



Dalam pada itu, Mohd Puad menegaskan UMNO yang mengalami kekalahan terburuk dalam PRN di enam negeri kelmarin perlu mendapatkan semula sokongan orang Melayu.

"Menteri-menteri UMNO mesti serius menjayakan agenda Melayu dan rakyat. Kuasa di tangan mereka.

"Sebab itu UMNO mesti kekal dalam Kerajaan Perpaduan. PH-BN perlu mengukuhkan kerjasama. Ahmad Zahid sesuai pikul misi ini. Dia tidak perlu letak jawatan. Jangan melatah," katanya.

Selain Ahmad Zahid, Muhyiddin kelmarin mendesak Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meletak jawatan serta-merta susulan penolakan pengundi Melayu dalam PRN di enam negeri.

Muhyiddin menyifatkan, kemenangan PN di kerusi majoriti Melayu dan kawasan campuran membuktikan penolakan besar-besaran orang Melayu dan masyarakat bukan Melayu terhadap gabungan politik rapuh serta perpaduan palsu yang diterajui oleh Anwar dan Ahmad Zahid.